

Dedah pengundi muda pilihan raya, kenegaraan

Pendedahan perlu dilakukan seawal selepas tamat peperiksaan SPM

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Serdang: Kerajaan perlu mewujudkan satu mekanisme mendedahkan pengundi muda mengenai pilihan raya, demokrasi dan kenegaraan serta hak mengundi bagi memperkasakan pelaksanaan Undi18 pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Saranan dikemukakan Profesor Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Datuk Dr Ismail Sualman, yang menyatakan sistem politik dan amalan demokrasi perlu didedahkan kepada pengundi muda seawal selepas mereka tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Katanya, beliau bimbang jika tiada pendidikan sedemikian, pengundi muda 18 tahun membuat pilihan bukan berdasarkan kehendak sendiri, tetapi dipengaruhi digunakan oleh orang lain untuk mendapatkan undi.

"Ini adalah masanya, dalam mana-mana pendekatan kerajaan buat perkara ini, kalau tidak kita khuatir mereka layak mengundi, tetapi tidak tahu buat pilihan. Mereka diheret ke sana sini, diminta undi itu dan ini, mereka akan jadi burung kakak tua mengikut



Ismail pada Bicara Nasional: Senario Politik Semasa di Malaysia di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam. (Foto Aizuddin SAAD/BH)

orang yang mengajar.

Tahu apa perlu buat

"Ini yang kita tidak mahu berlaku, yang mana kematangan hilang. Sudah sampai masanya, pengundi muda datang dengan jiwa yang faham hak mereka, bukan dipengaruhi orang lain dan mereka tahu mengundi parti mana, tahu apa perlu dibuat selepas itu, tapi nampaknya kita belum lagi ke arah itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi ahli panel Forum Bicara Nasional: Senario Politik Semasa di Malaysia anjuran Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini semalam.

Ahli panel lain, Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof

Datuk Dr Raduan Che Ros dan Penyanggah Kursi Penyelidikan Tan Sri Empiang Jabu (TSEJRC) FEM, Prof Datuk Dr Jayum Jawan.

Ismail menjelaskan, mengikut penafsiran, usia 18 tahun adalah usia yang cukup matang, malah dalam Akta Dewasa 1971 menyatakan usia itu adalah usia dewasa yang matang.

"Menurut bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Zulkifli Mohamad Al-Bakri, usia 18 tahun itu dianggap matang, sudah baligh dan tahu membezakan baik dan buruk. Ini fakta dan mereka kumpulan yang boleh menentukan masa depan.

"Malah, orang muda kini dianggap 'king maker' dalam mana-mana parti politik. Perkara ini menjadi betul jika mereka keluar mengundi. Di Johor dan

Melaka, undi 18 tahun ini tidak jadi 'king maker' kerana mereka tidak keluar mengundi," katanya.

Katanya, dengan Undi18, orang muda diberikan peluang untuk menjadi calon pada pilihan raya, bukan hanya berkarya dalam internet dan menjadi netizen semata-mata, malah ia sudah dibuktikan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Beliau turut menjangkakan jika calon muda diberi peluang bertanding pilihan raya, mereka boleh menang terutama di kawasan bandar, tetapi perlu turun padang untuk mendekati pengundi, bukan sekadar berkempen di internet atau dalam talian.

"Berdasarkan PRN Melaka dan Johor, kempen melalui talian masih tidak dapat memenangi hati pengundi," katanya.